

IMPORTANT NOTICE

This document is a sample template provided for illustrative and educational purposes only. It does not constitute a final or binding agreement and should not be used or relied upon without appropriate professional review.

This template is not a substitute for independent legal, financial, tax, technical or regulatory advice.

This document is published as part of LASAJU's feasibility study on CREAM projects in Malaysia, made available to the public for informational purposes to support broader understanding of how such mechanisms might be structured.

Accessing, downloading, or using this template does not create an engagement, between LASAJU and any person or entity. This template does not constitute professional advice tailored to any specific project, party, or set of facts. Any party who chooses to use, adapt, or rely on this document does so entirely at their own risk.

This template is provided "as is" without warranties of any kind, whether express or implied, including as to accuracy, completeness, fitness for a particular purpose, or enforceability in any jurisdiction. Applicable laws, regulations, guidelines and CREAM requirements may change from time to time. To the fullest extent permitted by law, LASAJU shall not be liable for any loss or liability arising from the use of or reliance on this template.

Before entering into any binding agreement based on this template, engage an independent legal advice from a qualified legal adviser in the relevant jurisdiction to review, revise, and adapt the document to your specific circumstances and applicable law.

© LASAJU — This template may be shared and adapted for non-commercial community energy planning purposes, provided this notice is retained.

NOTIS PENTING

Dokumen ini adalah templat contoh yang disediakan untuk tujuan ilustrasi dan pendidikan sahaja. Dokumen ini bukan merupakan perjanjian muktamad atau mengikat dan tidak seharusnya digunakan atau dijadikan sandaran tanpa semakan profesional yang sewajarnya.

Templat ini bukan pengganti kepada nasihat undang-undang, kewangan, cukai, teknikal atau pengawalseliaan yang bebas.

Dokumen ini diterbitkan sebagai sebahagian daripada kajian kebolehlaksanaan LASAJU mengenai projek CREAM di Malaysia, yang disediakan kepada orang ramai untuk tujuan maklumat bagi meningkatkan pemahaman tentang bagaimana mekanisme sedemikian boleh distrukturkan.

Capaian, muat turun, atau penggunaan templat ini tidak mewujudkan antara LASAJU dengan mana-mana individu atau entiti. Templat ini tidak merupakan nasihat profesional yang disesuaikan untuk mana-mana projek, pihak, atau fakta tertentu. Mana-mana pihak yang memilih untuk menggunakan, menyesuaikan, atau bergantung kepada dokumen ini berbuat demikian atas risiko sendiri sepenuhnya.

Templat ini disediakan "seadanya" tanpa sebarang waranti dalam apa jua bentuk, sama ada nyata atau tersirat, termasuk berkaitan ketepatan, kesempurnaan, kesesuaian untuk tujuan tertentu, atau kebolehuatkuasaan dalam mana-mana bidang kuasa. Undang-undang, peraturan, garis panduan dan keperluan CREAM yang terpakai boleh berubah dari semasa ke semasa. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, LASAJU tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau liabiliti yang timbul daripada penggunaan atau pergantungan pada templat ini.

Sebelum memeterai mana-mana perjanjian mengikat berdasarkan templat ini, dapatkan khidmat peguam bertauliah dalam bidang kuasa berkenaan untuk menyemak semula, dan menyesuaikan dokumen ini mengikut keadaan khusus anda dan undang-undang yang terpakai.

© LASAJU — Templat ini boleh dikongsi dan disesuaikan untuk tujuan perancangan tenaga komuniti bukan komersial, dengan syarat notis ini dikekalkan.

ROOF LEASING AGREEMENT

THIS ROOF LEASING AGREEMENT (“**Agreement**”) is made on this
..... between
[**Company’s Name**] (Company No.: •), a company incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and having its business address at [•] (“**Company**”) of the one part; and
[**Homeowner’s Name**] (NRIC No.: •), an individual of full age and having his/her address at
..... (“**Homeowner**”) of the other part.

Company and Homeowner shall collectively be referred to as the “**Parties**” and individually as the “**Party**”.

1. AGREEMENT TO LEASE

The Homeowner hereby agrees to lease to the Company the portion(s) of the premise known as (“**Premise**”), including but not limited to the rooftop, car porch, external walls, and any ancillary areas as may be reasonably required, designated for the installation, mounting, housing, and operation of the System (“**Designated Area**”) for the installation, operation, and maintenance of a solar photovoltaic system (“**System**”) forming part of the Company’s solar power plant (“**Plant**”) developed under the Community Renewable Energy Aggregation Mechanism (“**CREAM**”) programme. The lease granted under this Agreement shall constitute a contractual license and shall not be construed as granting the Company any proprietary interest or tenancy in the entire Premise.

2. TENURE

This Agreement shall commence on (“**Effective Date**”) and continue for a period of years unless earlier terminated in accordance with this Agreement (“**Term**”).

3. RENTAL

The Company shall pay to the Homeowner a fixed monthly rental of RM....., payable by the day of the succeeding month. The rental is inclusive of all applicable taxes unless otherwise required by law.

PERJANJIAN SEWAAN BUMBUNG

PERJANJIAN SEWAAN BUMBUNG (“**Perjanjian**”) ini dibuat pada di antara
[**Nama Syarikat**] (No. Syarikat: •) sebuah Syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat perniagaan di [•] (“**Syarikat**”) sebagai pihak yang pertama; dan
[**Nama Pemilik Rumah**] (No. Kad Pengenalan: •), seorang individu yang cukup umur dan beralamat di
..... (“**Pemilik Rumah**”) sebagai pihak kedua.

Syarikat dan Pemilik Rumah selepas ini dirujuk secara bersama sebagai “**Pihak-Pihak**” dan secara berasingan sebagai “**Pihak**”.

1. PERSETUJUAN UNTUK MENYEWAKAN

Pemilik Rumah dengan ini bersetuju untuk menyewakan kepada Syarikat bahagian premis yang dikenali sebagai (“**Premis**”), termasuk tetapi tidak terhad kepada bumbung, anjung kereta, dinding luar dan apa-apa kawasan sampingan lain yang diperlukan secara munasabah (“**Kawasan yang Ditetapkan**”), bagi pemasangan, pengoperasian dan penyelenggaraan suatu sistem fotovoltan suria (“**Sistem**”) yang membentuk sebahagian daripada loji janakuasa suria milik Syarikat (“**Loji**”) yang dibangunkan di bawah program Community Renewable Energy Aggregation Mechanism (“**CREAM**”). Sewaan yang diberikan di bawah Perjanjian ini hendaklah merupakan suatu lesen kontraktual dan tidak boleh ditafsirkan sebagai memberikan kepada Syarikat apa-apa kepentingan proprietari atau hak penyewaan (tenancy) ke atas Premis tersebut secara keseluruhan.

2. TEMPOH

Perjanjian ini hendaklah bermula pada (“**Tarikh Kuat Kuasa**”) dan berterusan untuk suatu tempoh selama tahun, melainkan ditamatkan lebih awal menurut Perjanjian ini (“**Tempoh**”).

3. SEWA

Syarikat hendaklah membayar kepada Pemilik Rumah suatu sewaan bulanan tetap sebanyak RM....., yang hendaklah dibayar pada atau sebelum hari bulan berikutnya. Sewaan tersebut adalah termasuk semua cukai yang terpakai kecuali jika dikehendaki sebaliknya oleh undang-undang.

4. OBLIGATIONS OF HOMEOWNER

The Homeowner shall:

- (a) grant the Company and its agents reasonable access to the Designated Area for installation, maintenance, and removal of the System, provided that the Company gives the Homeowner at least 3 days prior written notice, except in emergency situation;
- (b) ensure the System is not obstructed, damaged, or altered without the Company's consent and shall be fully responsible for and shall indemnify the Company for any loss or damage to the System arising from:
 - (i) the Homeowner's acts or omissions;
 - (ii) any works carried out without the Company's consent; or
 - (iii) any third-party actions permitted by the Homeowner;
- (c) prevent third parties from activities that may affect the System's performance or safety;
- (d) cooperate with the Company in obtaining necessary approvals under the CREAM programme (if required);
- (e) notify the Company at least 120 days before selling or transferring any interest in the Premise and ensure a Novation Agreement is signed by the new owner; and
- (f) not carry out any works near the Designated Area that may affect the System or restrict access, without obtaining the Company's prior written consent.

5. OBLIGATIONS OF COMPANY

The Company shall:

- (a) install, operate, and maintain the System at its cost, in accordance with applicable laws and technical standards;
- (b) ensure no damage to the Premise due to installation and maintenance of the System and repair any damage caused (except normal wear and tear);
- (c) be responsible for maintenance, performance, and insurance of the System, including conducting periodic inspections as may be reasonably required; and
- (d) minimise disruption to the Premise and provide 3 days' notice for non-emergency work, except in urgent cases.

The Company shall not be liable for damage unrelated to its activities and shall not be responsible for the structural integrity of the Designated Area, unless caused by the Company.

4. TANGGUNGJAWAB PEMILIK RUMAH

Pemilik Rumah hendaklah:

- (a) memberikan kepada Syarikat dan ejen-ejennya akses yang munasabah ke Kawasan yang Ditetapkan bagi tujuan pemasangan, penyelenggaraan dan menyahtarakan Sistem, tertakluk kepada Syarikat memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 5 hari terlebih dahulu, kecuali dalam keadaan kecemasan;
- (b) memastikan Sistem tidak dihalang, dirosakkan atau diubah suai tanpa persetujuan Syarikat dan bertanggungjawab sepenuhnya serta menanggung rugi Syarikat terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan kepada Sistem yang timbul daripada:
 - (i) perbuatan atau keingkaran Pemilik Rumah;
 - (ii) apa-apa kerja yang dilaksanakan tanpa persetujuan Syarikat; atau
 - (iii) apa-apa tindakan pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pemilik Rumah;
- (c) menghalang pihak ketiga daripada menjalankan apa-apa aktiviti yang boleh menjejaskan prestasi atau keselamatan Sistem;
- (d) bekerjasama dengan Syarikat dalam mendapatkan apa-apa kelulusan yang diperlukan di bawah program CREAM (jika berkenaan);
- (e) memberi notis bertulis kepada Syarikat sekurang-kurangnya 120 hari sebelum menjual atau memindahkan apa-apa kepentingan dalam Premis dan memastikan suatu Perjanjian Novasi ditandatangani oleh pemilik baharu; dan
- (f) tidak menjalankan apa-apa kerja berhampiran Kawasan yang Ditetapkan yang boleh menjejaskan Sistem atau mengehadkan akses ke Kawasan yang Ditetapkan tanpa mendapatkan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat.

5. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

Syarikat hendaklah:

- (a) memasang, mengendalikan dan menyelenggara Sistem selaras dengan undang-undang yang terpakai dan piawaian teknikal yang berkenaan, atas kos Syarikat sendiri;
- (b) memastikan tiada kerosakan kepada Premis akibat pemasangan dan penyelenggaraan Sistem dan membaiki apa-apa kerosakan yang disebabkan olehnya (kecuali haus dan lusuh biasa);
- (c) bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan, prestasi dan perlindungan insurans Sistem, termasuk menjalankan pemeriksaan berkala sebagaimana yang diperlukan; dan
- (d) mengurangkan gangguan terhadap Premis dan memberikan notis sekurang-kurangnya 3 hari bagi kerja-kerja bukan kecemasan, kecuali dalam keadaan kecemasan. Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang tidak berkaitan dengan aktiviti Syarikat dan tidak bertanggungjawab ke atas integriti struktur Kawasan yang Ditetapkan, melainkan jika kerosakan tersebut disebabkan oleh Syarikat.

6. REMOVAL AND REINSTALLATION FOR RENOVATION

The Company shall, upon written request from the Homeowner, provide a one-time removal and reinstallation of the System at no cost to the Homeowner in the event that renovation works or structural modifications are carried out on the Premise that affect the Designated Area. The Homeowner shall provide reasonable notice to the Company of the proposed renovation works, and the Company shall coordinate with the Homeowner to carry out the removal and subsequent reinstallation in a timely manner.

7. OWNERSHIP OF SYSTEM

The System shall remain the sole and exclusive property of the Company. The Homeowner shall not interfere with, claim, or represent the System as part of the Premise or subject it to any encumbrance. The Homeowner shall not create or permit any charge, lien, or encumbrance over the System and shall procure a written undertaking or acknowledgment from the financier confirming that it does not have, and will not claim, any interest in the System. At any time during the Term or at the end of the Term, the Homeowner may elect to purchase the System at the value set out in Schedule 1. If the System does not directly supply electricity to the Premise, the Company shall, at the Homeowner's cost, carry out the necessary modification or reconfiguration to enable such direct supply to the Premise (if applicable).

8. TERMINATION

Either Party may terminate this Agreement by giving 30 days' written notice if the other Party commits a material breach and fails to remedy it within 14 days of receiving written notice. The Company may terminate this Agreement with 30 days' written notice if any required regulatory approval is denied, withdrawn, or not obtained within a reasonable time, or if installation or operation of the System becomes technically or commercially unfeasible for reasons beyond the Company's control. Either Party may terminate this Agreement immediately by written notice if the other Party becomes insolvent or is subject to winding up or receivership proceedings.

Upon termination, the Company may remove the System and shall restore the affected area, fair wear and tear excepted. The Homeowner shall provide reasonable access for such removal for up to 120 days after termination. Any unpaid rental up to the date of termination shall remain due, subject to the Company's right to set off any amounts payable by the Homeowner. If termination arises from the Homeowner's breach, the Company may claim all direct losses, including removal costs and loss of revenue reasonably expected for the remainder of the Term. Termination shall be without prejudice to any accrued rights or obligations of either Party.

6. PENYINGKIRAN DAN PEMASANGAN SEMULA BAGI TUJUAN PENGUBAHSUAIAN

Atas permintaan bertulis daripada Pemilik Rumah, Syarikat hendaklah menyediakan perkhidmatan penanggalan dan pemasangan semula Sistem sebanyak sekali tanpa sebarang kos kepada Pemilik Rumah untuk tujuan kerja-kerja pengubahsuaian struktur di Premis yang mana Kawasan yang Ditetapkan akan terjejas. Pemilik Rumah hendaklah memberikan notis yang munasabah kepada Syarikat mengenai kerja-kerja pengubahsuaian yang dicadangkan, dan Syarikat hendaklah menyelaraskan dengan Pemilik Rumah untuk melaksanakan penanggalan dan pemasangan semula Sistem tersebut dalam tempoh masa yang wajar.

7. PEMILIKAN SISTEM

Sistem hendaklah kekal sebagai hak milik tunggal dan eksklusif Syarikat. Pemilik Rumah tidak boleh mengganggu, menuntut atau membuat apa-apa representasi bahawa Sistem merupakan sebahagian daripada Premis atau menjadikannya tertakluk kepada apa-apa bebanan. Pemilik Rumah tidak boleh mewujudkan atau membenarkan apa-apa cagaran, lien atau bebanan ke atas Sistem dan hendaklah mendapatkan suatu aku janji atau pengakuan bertulis daripada pihak pembiaya yang mengesahkan bahawa pihak pembiaya tersebut tidak mempunyai dan tidak akan menuntut apa-apa kepentingan ke atas Sistem. Pada bila-bila masa dalam Tempoh tersebut atau pada akhir Tempoh, Pemilik Rumah boleh memilih untuk membeli Sistem pada nilai yang dinyatakan dalam Jadual 1. Sekiranya Sistem tidak membekalkan tenaga elektrik secara langsung ke Premis, Syarikat hendaklah, atas kos Pemilik Rumah, melaksanakan pengubahsuaian atau konfigurasi semula yang perlu bagi membolehkan pembekalan langsung tersebut ke Premis (jika berkenaan).

8. PENAMATAN

Mana-mana Pihak boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis bertulis selama 30 hari sekiranya Pihak yang satu lagi melakukan suatu pelanggaran material dan gagal memperbetulkannya dalam tempoh 14 hari selepas menerima notis bertulis mengenainya. Syarikat boleh menamatkan Perjanjian ini dengan notis bertulis selama 30 hari sekiranya apa-apa kelulusan pengawalseliaan yang diperlukan ditolak, ditarik balik atau gagal diperoleh dalam tempoh yang munasabah, atau sekiranya pemasangan atau pengoperasian Sistem tidak boleh dilaksanakan dari segi teknikal atau komersial atas sebab-sebab di luar kawalan Syarikat. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta melalui notis bertulis sekiranya Pihak yang satu lagi menjadi tidak solven atau tertakluk kepada prosiding penggulungan atau pelantikan penerima. Selepas penamatan, Syarikat boleh menanggalkan Sistem dan hendaklah memulihkan kawasan yang terjejas, tertakluk kepada pengecualian haus dan lusuh biasa. Pemilik Rumah hendaklah memberikan akses yang munasabah bagi tujuan penanggalan tersebut untuk tempoh sehingga 120 hari selepas tarikh penamatan. Apa-apa bayaran sewaan yang belum dibayar sehingga tarikh penamatan hendaklah kekal terhutang, tertakluk kepada hak Syarikat untuk membuat tolakan (set-off) terhadap apa-apa amaun yang perlu dibayar oleh Pemilik Rumah. Sekiranya penamatan timbul akibat pelanggaran oleh Pemilik Rumah, Syarikat boleh menuntut semua kerugian langsung, termasuk kos penanggalan dan kehilangan hasil yang munasabah dijangkakan bagi baki Tempoh. Penamatan ini adalah tanpa prejudis terhadap apa-apa hak atau kewajipan yang telah terakru bagi mana-mana Pihak.

9. REPRESENTATION AND WARRANTIES

The Homeowner represents that the Homeowner is the lawful owner of the Premise, have full authority to enter into this Agreement, and that the Premise (including the Designated Area) is structurally suitable for the System, free from undisclosed encumbrances or restrictions that would affect its installation or operation. The Company represents that it is duly incorporated in Malaysia, has the necessary authority, expertise, and approvals to install, operate, and maintain the System in compliance with applicable laws and standards.

10. FORCE MAJEURE

“**Force Majeure**” means any event or circumstance beyond the reasonable control and without the fault of a Party, which prevents or delays the performance of its obligations despite reasonable efforts to mitigate, including but not limited to natural disasters, severe weather conditions, pandemic, war, riot, terrorism, industrial action not limited to the Party’s own employees, or any change in law or governmental action materially affecting this Agreement. A Party affected by Force Majeure shall promptly notify the other Party and use reasonable efforts to mitigate its effects. During such period, the affected Party’s obligations shall be suspended. If the Force Majeure continues for more than 180 days, and materially prevents performance, either Party may terminate this Agreement by giving 30 days’ written notice, without liability except for accrued obligations.

11. LIMITATION OF LIABILITY

To the fullest extent permitted by law, the Company’s total liability under this Agreement shall not exceed the total rental paid to the Homeowner in the 24 months preceding the claim. The Company shall not be liable for any indirect, consequential, or loss of profit, or for any damage arising from pre-existing defects, acts of the Homeowner or third parties, or areas not accessed by the Company.

12. COMPULSORY ACQUISITION

If the Premise or any part thereof is subject to compulsory acquisition or requisition by a government or authority, the Homeowner shall within 3 days notify the Company. This Agreement shall terminate on the date the authority takes possession, unless otherwise agreed. The Company may remove the System before possession and may claim compensation for its losses due to the acquisition. The Homeowner shall not claim or accept compensation relating to the System without the Company’s written consent.

9. PERWAKILAN DAN JAMINAN

Pemilik Rumah menyatakan dan menjamin bahawa Pemilik Rumah adalah pemilik sah Premis, mempunyai kuasa penuh untuk memasuki Perjanjian ini, dan bahawa Premis (termasuk Kawasan yang Ditetapkan) adalah sesuai dari segi struktur untuk pemasangan Sistem serta bebas daripada apa-apa bebanan, sekatan atau kepentingan pihak ketiga yang tidak didedahkan yang boleh menjejaskan pemasangan atau pengoperasian Sistem. Syarikat dengan ini menyatakan dan menjamin bahawa ia telah diperbadankan dengan sewajarnya di Malaysia dan mempunyai kuasa, kepakaran serta kelulusan yang diperlukan untuk memasang, mengendalikan dan menyelenggara Sistem selaras dengan undang-undang dan piawaian yang terpakai.

10. KEADAAN LUAR JANGKA

“Keadaan Luar Jangka” bermaksud apa-apa kejadian atau keadaan di luar kawalan munasabah dan tanpa kesalahan mana-mana Pihak, yang menghalang atau melambatkan pelaksanaan tanggungjawabnya walaupun usaha munasabah telah diambil untuk mengurangkan kesannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, keadaan cuaca melampau, pandemik, peperangan, rusuhan, keganasan, tindakan perindustrian yang tidak terhad kepada pekerja Pihak itu sendiri, atau apa-apa perubahan undang-undang atau tindakan kerajaan yang memberi kesan material terhadap Perjanjian ini. Pihak yang terjejas oleh Keadaan Luar Jangka hendaklah dengan segera memaklumkan Pihak yang satu lagi dan menggunakan usaha munasabah untuk mengurangkan kesannya. Sepanjang tempoh tersebut, tanggungjawab Pihak yang terjejas hendaklah digantung. Sekiranya Keadaan Luar Jangka berterusan melebihi 180 hari dan secara material menghalang pelaksanaan Perjanjian ini, mana-mana Pihak boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis bertulis selama 30 hari, tanpa liabiliti kecuali bagi tanggungjawab yang telah terakru.

11. HAD LIABILITI

Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, jumlah liabiliti keseluruhan Syarikat di bawah Perjanjian ini tidak boleh melebihi jumlah sewaan yang telah dibayar kepada Pemilik Rumah dalam tempoh 24 bulan sebelum tuntutan tersebut dibuat. Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian tidak langsung, kerugian turutan atau kehilangan keuntungan, atau apa-apa kerosakan yang berpunca daripada kecacatan sedia ada, perbuatan atau keingkaran Pemilik Rumah atau pihak ketiga, atau kawasan yang tidak diakses oleh Syarikat.

12. PENGAMBILALIHAN TANAH SECARA PAKSA

Sekiranya Premis atau mana-mana bahagiannya tertakluk kepada pengambilalihan tanah secara paksa atau perintah pengambilan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa, Pemilik Rumah hendaklah memaklumkan Syarikat dalam tempoh 3 hari selepas menerima notis mengenainya. Perjanjian ini hendaklah tamat pada tarikh pihak berkuasa tersebut mengambil milikan Premis, melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Pihak-Pihak. Syarikat boleh menanggalkan Sistem sebelum pengambilan milikan tersebut dan berhak menuntut pampasan atas kerugian yang dialaminya akibat pengambilan tersebut. Pemilik Rumah tidak

13. NOTICES

Any notice or communication under this Agreement shall be in writing and may be delivered by hand, sent by registered post, or transmitted by email to the address or email address last notified in writing by one Party to the other.

A notice shall be deemed received:

- (a) when delivered by hand, upon delivery and acknowledgment of receipt;
- (b) when sent by registered post, on the third (3rd) day after posting if sent within Malaysia; or
- (c) when sent by email, upon successful transmission, provided that no delivery failure notice is received.

14. MODIFICATION

No amendment, modification, or variation of this Agreement shall be valid unless it is made in writing and signed by both Parties. No waiver of any provision of this Agreement shall be effective unless given in writing, and any such waiver shall apply only to the matter for which it is given.

15. FURTHER ASSURANCE

The Parties shall, in good faith, do all acts and execute all documents reasonably required to give full effect to this Agreement and the intentions expressed herein.

16. ELECTRONIC SIGNATURE

This Agreement may be executed and delivered electronically, including by way of scanned or digital PDF copies, and such execution shall constitute a valid and binding signature of the Parties. Each Party agrees that this Agreement and any counterpart signed or delivered electronically shall have the same legal effect as an original, and may be relied upon as evidence of the Parties' intent to be legally bound.

17. SUCCESSORS-IN-TITLE

This Agreement shall be binding upon and enure to the benefit of the Parties and their respective successors-in-title and permitted assigns.

boleh menuntut atau menerima apa-apa pampasan yang berkaitan dengan Sistem tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat.

13. NOTIS

Apa-apa notis atau komunikasi di bawah Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan boleh diserahkan dengan tangan, dihantar melalui pos berdaftar, atau dihantar melalui e-mel ke alamat atau alamat e-mel yang terakhir dimaklumkan secara bertulis oleh satu Pihak kepada Pihak yang satu lagi.

Sesuatu notis hendaklah disifatkan sebagai telah diterima:

- (a) apabila diserahkan dengan tangan, pada masa penyerahan dan pengakuan penerimaan dibuat;
- (b) apabila dihantar melalui pos berdaftar, pada hari ketiga selepas tarikh pengeposan sekiranya dihantar dalam Malaysia; atau
- (c) apabila dihantar melalui e-mel, pada masa penghantaran berjaya dibuat, dengan syarat tiada notis kegagalan penghantaran diterima.

14. PINDAAN

Tiada apa-apa pindaan, pengubahsuaian atau variasi terhadap Perjanjian ini adalah sah melainkan dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh kedua-dua Pihak. Tiada apa-apa penepian terhadap mana-mana peruntukan Perjanjian ini adalah berkuat kuasa melainkan diberikan secara bertulis, dan apa-apa penepian tersebut hendaklah terpakai hanya bagi perkara yang dinyatakan dalam penepian tersebut.

15. JAMINAN LANJUTAN

Pihak-Pihak hendaklah, dengan niat baik, melaksanakan segala tindakan dan menandatangani semua dokumen yang munasabah diperlukan bagi memberi kesan sepenuhnya kepada Perjanjian ini dan maksud yang dinyatakan di dalamnya.

16. TANDATANGAN ELEKTRONIK

Perjanjian ini boleh dilaksanakan dan diserahkan secara elektronik, termasuk melalui salinan imbasan atau salinan digital dalam format PDF, dan pelaksanaan sedemikian hendaklah merupakan suatu tandatangan yang sah dan mengikat ke atas Pihak-Pihak. Setiap Pihak bersetuju bahawa Perjanjian ini dan mana-mana salinan tandingan yang ditandatangani atau diserahkan secara elektronik hendaklah mempunyai kesan undang-undang yang sama seperti dokumen asal dan boleh diguna pakai sebagai bukti niat Pihak-Pihak untuk terikat secara undang-undang.

17. PENGGANTI TERIKAT

Perjanjian ini hendaklah mengikat dan berkuat kuasa untuk manfaat Pihak-Pihak serta pengganti hak milik dan penerima serah hak yang dibenarkan bagi setiap Pihak.

18. GOVERNING LAW AND JURISDICTION

This Agreement shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia, and the Parties submit to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.

19. PREVAILING LANGUAGE

In the event of any inconsistency, discrepancy, or conflict between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Agreement, the English version shall prevail and be binding on the Parties.

IN WITNESS WHEREOF, the Parties have executed this Agreement on the date first written above.

Signed on behalf of the Company,

.....
Name:

Designation:

Date:

Witnessed by,

.....
Name:

NRIC No.:

Signed by the Homeowner,

.....
Name:

NRIC No.:

Date:

Witnessed by,

.....
Name:

NRIC No.:

18. UNDANG-UNDANG TADBIR DAN BIDANG KUASA

Perjanjian ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia, dan Pihak-Pihak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia.

19. BAHASA MUKTAMAD

Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, percanggahan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Perjanjian ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan mengikat Pihak-Pihak.

SEBAGAI BUKTI PERSETUJUAN, Pihak-Pihak telah menandatangani Perjanjian ini pada tarikh yang dinyatakan terlebih dahulu di atas.

Ditandatangani bagi Pihak Syarikat,

.....
Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Disaksikan oleh,

.....
Nama:

No K/P.:

Ditandatangani oleh Pemilik Rumah,

.....
Nama:

No. KP.:

Tarikh:

Disaksikan oleh,

.....
Nama:

No K/P.:

